



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**9 JULAI 2022 (SABTU)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**9 JULAI 2022 (SABTU)**

# Kerajaan akan kurangkan kuota minyak peket bersubsidi

**PETALING JAYA:** Kerajaan akan mengurangkan kuota subsidi minyak masak jika segelintir pengkhianat dalam kalangan pemain-pemain gergasi industri tersebut berterusan melakukan penyelewengan dan penyeludupan sehingga berlaku kekurangan bekalan di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberitahu *Utusan Malaysia*, sikap tamak penyelewupan minyak masak bersubsidi yang menjualnya kepada pihak asing adalah pengkhianatan kepada negara dan menyusahkan rakyat.

Beliau berkata, sepatutnya jumlah minyak masak di pasaran mencukupi kerana kerajaan memperuntukkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak bersubsidi sebulan, namun ketirisian akibat ‘pengkhianat negara’ yang tergamacak menyeludup keluar komoditi itu mengakibatkan kekurangan bekalan.

“Sekiranya terdapat kekurangan bekalan dan sejari usaha membendung risiko ketirisian, Kerajaan tidak menolak akan melaksanakan rombakan peruntukan kuota subsidi membantikan peringkat tertentu dalam rantai edaran minyak masak peket bersubsidi.

“60,000 tan metrik minyak



KEGIATAN menyeludup minyak masak peket bersubsidi dalam kalangan pemain gergasi industri antara punca bekalan minyak tempatan tidak mencukupi. – GAMBAR HIASAN

masak setiap bulan dikeluarkan bagi kegunaan golongan sasar dan disubsidi kerajaan itu sudah dibuat pengiraan, mencukupi untuk kegunaan semua rakyat Malaysia di mana kerajaan menganggarkan kuantiti itu sangat mencukupi untuk 32.7 juta rakyat Malaysia dengan kadar penggunaan 1.8kg per kapita, setiap bulan.

“Kadar penggunaan minyak masak di kalangan rakyat adalah sebanyak 55,000 sebulan dan kerajaan memperuntukkan

60,000 metrik tan. Sepatutnya mencukupi, malah ada lebihan.

“Namun, disebabkan ketamakan pihak tidak bertanggungjawab yang mengkhianati negara dengan melakukan aktiviti penyelewupan, berlaku ketirisian dan kekurangan bekalan akibat aktiviti penyelewupan yang telah menyusahkan rakyat walaupun pelbagai bantuan dan program subsidi disediakan oleh kerajaan,” katanya di sini.

Beliau berkata, faktor utama mendorong penyelewupan ‘gelap

mata’ sehingga tergamak menjadi komoditi itu kepada pasar asing, susulan kenaikan harga minyak sawit mentah (CPO) yang semakin melonjak.

“Semakin tinggi nilai CPO, semakin tinggi harga minyak masak di pasaran dan semakin tinggi margin keuntungan yang mendorong pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan. Pembukaan sempadan juga telah mendorong aktiviti penyelewupan untuk berleluasa,” katanya.

## Bekalan minyak masak peket di Jengka pulih

**JERANTUT:** Isu terputus bekalan minyak masak peket bersubsidi yang berlarutan hampir dua minggu, selesai selepas ia dihantar di Felda Jengka 24 dan Felda Sungai Retang, di sini semalam.

Walaupun bekalannya belum mencukupi, peneroka di dua tanah rancangan itu berterima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana menyelesaikan masalah dihadapi penduduk di situ.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Peneroka Felda Jengka 24, Razak Daud berkata, bekalan minyak masak peket dihantar ke tanah rancangan itu bermula semalam.

"Alhamdulillah bekalan minyak masak peket kembali diter-



**BEKALAN** minyak masak peket telah mula dihantar ke Felda Jengka 24 dan Felda Sungai Retang di Jerantut, Pahang.

ima. Kami ucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya KP-DNHEP.

"Cuma diharapkan bekalan ini berterusan supaya masalah ini tidak lagi berulang," katanya

di sini, semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, isu minyak masak peket bersubsidi yang dua minggu putus bekalan menimbulkan keresahan hampir 4,000 penduduk di Felda Jengka 24 dan Felda Sungai Retang.

Penduduk meluahkan rasa kecewa dan bimbang ketiadaan minyak masak peket satu kilogram itu berlarutan lebih lama.

Akibatnya, pengguna di dua tanah rancangan itu terpaksa membeli minyak masak botol dengan harga mahal lebih RM40 ketika ini.

Sementara itu, Ketua Peneroka Felda Sungai Retang, Muhamad Hafizan Umar lega dan turut berterima kasih kepada KPDNHEP kerana menghantar minyak masak peket ke kawasan situ.

60,000 tan metrik sebulan cukup jika tiada ketirisan

# Sindiket botolkan minyak peket

Oleh NURAINA HANIS

ABD. HALIM

hanis.halim@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Perbuatan membungkus semula minyak masak peket subsidi dipercayai punca utama bekalanannya semakin berkurangan dalam pasaran sehingga menimbulkan kemarahan rakyat yang terhimpit dengan kos sara hidup tinggi.

Sumber dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberitahu, sindiket mula ligat mencari keuntungan berganda termasuk membotolkan minyak masak peket sebelum di-

jual dengan harga tanpa subsidi.

"Sindiket yang buat kerja ini dipercayai melibatkan syarikat-syarikat membungkus minyak masak bersubsidi selepas manipulasi tuntutan daripada kerajaan.

"Isu diseludup ke negara jiran masalah lama dan dalam tempoh tersebut tidak ada bekalan terputus sekerap kebelakan ini.

"Justeru, kita syak antara punca membawa kepada kekurangan minyak masak peket disebabkan pembungkusan semula oleh sindiket," kata sumber itu.

Masalah terputus bekalan minyak masak peket bermula

apabila harga sawit meningkat dan diburukkan lagi apabila kerajaan memansuhkan subsidi minyak dalam botol bermula 1 Julai lalu.

Kata sumber tersebut, pembungkusan semula dengan pelbagai jenama itu mungkin untuk botol tiga kilogram (kg) dan 5kg.

Bagaimanapun, terdapat sejumlah sindiket pembungkusan semula dikesan memanipulasi dokumen invois dengan membuat tuntutan palsu mendapat minyak masak subsidi tetapi tidak menjualnya kepada orang ramai.

**Bersambung di muka 2**

## Sindiket botolkan minyak peket

Dari muka 1

"Setiap pemilik syarikat perlu membuat tuntutan KPDNHEP dan membuktikan kuota subsidi itu telah habis digunakan walhal ia diseleweng. Untung yang dikutip sudah tentu puluhan juta," kata sumber.

Dalam pada itu, sumber itu berkata, ketirisan berkaitan minyak masak bersubsidi itu juga disumbang oleh aktiviti sindiket menyeludup ke negara jiran.

Jelasnya, sindiket sanggup menyeludup ke negara jiran terutama Thailand kerana untung diperoleh lebih sekali ganda.

"Walaupun puluhan syarikat pembungkus telah diambil tindakan oleh KPDNHEP namun masih ada sindiket terus cuba seleweng," kata sumber itu.

Dalam pada itu, satu sumber lain dalam penguatkuasaan KPDNHEP pula berkata, kuota 60,000 tan metrik minyak masak bersubsidi setiap bulan diperuntuk kerajaan mencukupi jika tidak ada ketirisan dalam apa-apa bentuk.

Menurut sumber itu, hal ini berlaku apabila pihak yang diberi kuota memproses minyak masak bersubsidi, didapati menjual bekalan tersebut bukan kepada pengguna sebaliknya kepada pihak ketiga terdiri daripada pemborong dan pekedai.

"Sebenarnya kuota 60,000 tan metrik minyak masak itu mencukupi. Tinggal lagi, yang



MASALAH kekurangan minyak masak peket bersubsidi disyaki berpunca daripada sindiket membotolkan semula minyak tersebut.

**Kita syak antara punca membawa kepada kekurangan minyak masak peket disebabkan pembungkusan semula oleh sindiket."**

**SUMBER DI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL Ehwal PENGGUNA**

membuatkan bekalan di pasaran kurang sebab berlaku ketirisan. Macam mana boleh jadi

sebeginit?

"Sebab masalahnya ialah ada yang tidak bertanggungjawab. Mereka jual juga (minyak bersubsidi tersebut), tapi ada kes mereka jual kepada pihak ketiga, itu yang menimbulkan masalah kepada pengguna," kata sumber.

Menjelas lanjut, kata sumber itu, KPDNHEP sentiasa memantau kegiatan tersebut, malah mempunyai sistem kawalan mengesan aktiviti tersebut.

"Ini kita dapat kesan, sebab kita ada buku rekod. Berapa kuota yang dapat, berapa yang dipeket, semua itu kita ada rekod, jadi tak boleh nak tipu.

"Tinggal lagi, apabila dijual kepada pihak ketiga, pihak ketiga itu yang kawal semua itu. Mereka ini terdiri daripada pemborong atau pekedai," kata sumber.

HARI : SABTU  
TARIKH : 9/07/2022  
M/SURAT : 1

Malaysian  
subsidised  
cooking oil  
packets widely  
sold in southern  
Thailand

» PAGE 6

HARI : SABTU  
TARIKH : 9/07/2022  
M/SURAT : 6

## Ministry vows to crack down on smuggling of cooking oil

**KOTA BARU:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will take a concerted effort to track down those smuggling subsidised Malaysian cooking oil across the Thai border.

The ministry's enforcement director, Azman Adam, said this was the key to enabling them to detect those involved in leakages of the subsidised cooking oil supply chain.

He said the ministry, together with all border enforcement agencies, would coordinate their actions to tackle the issue.

"We will carry out an immediate investigation to establish where subsidised Malaysian cooking oil is being sold in the country. A chain detection process will be carried out in terms of which brands are involved and who is responsible for shipping them out of Malaysia," he told the *New Straits Times*.

Azman gave an assurance that the authorities would not haul up the brand owners without proof.

"The producers cannot be directly blamed. Sometimes, the stock is sold to suppliers and later distributed elsewhere without the knowledge of the producers."

Azman said Kelantan had 16 packet cooking oil manufacturers.

Nationwide, there are 305 companies licensed to package the 1kg subsidised cooking oil, 22 manufacturers, 4,151 wholesalers and more than 30,000 retailers.

Azman, during a recent visit to Kelantan, said high demand and significant price differences were among the key factors contributing to the leakage in the supply chain of subsidised cooking oil to neighbouring countries, such as Thailand.

He said discussions were held recently with all relevant agencies to address the issue.

He noted that apart from border control, the ministry would also focus on efforts to prevent the abuse of subsidised cooking oil for profit by irresponsible quarters.

Checks by the NST found subsidised Malaysian cooking oil widely available in some Thai border towns, such as Sungai Golok and Tak Bai.

However, supply was more limited at the Tak Bai market compared with last month.

The decrease in supply had been widely attributed to stricter checks by border enforcement agencies along the Tak Bai river, which separates Pengkalan Kubor in Tumpat from Tak Bai town in Thailand.



PENGAWAI dan anggota penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan menyita minyak masak bersubsidi yang disyaki di dalam sebuah premis di Sikamat, Seremban.

## KILANG TAMAK

*Sorok 612 peket minyak masak subsidi untuk kegunaan sendiri*

Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

### Seremban

**S**engaja ambil kesempatan menyorokkan ratusan peket minyak masak subsidi untuk kegunaan sendiri dalam jumlah besar.

Itu tindakan kilang memproses makanan di Sikamat di sini, yang diserbu sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan selepas disyaki menyembunyikan bekalan minyak masak bersubsidi.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPNHEP negeri, Abd

Muis Samsudin berkata, serbuan itu dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa jam 11.20 pagi semalam melalui operasi Ops ATM (ayam, telur dan minyak masak) dan Ops Anti-Sorok.

"Hasil serbuan itu, kami menemui 612 peket minyak masak bersubsidi satu kilogram (kg) dan 50kg minyak masak di dalam tong yang turut disyaki minyak masak bersubsidi.

"Minyak masak itu dpercaya digunakan untuk penghasilan produk makanan di premis berkenaan.

"Pemeriksaan mendapati premis berkenan tiada kebenaran daripada Pengawal Bekalan untuk menyimpan

minyak masak di preminya," katanya.

Beliau berkata, seorang lelaki rakyat tempatan berrusia 45 tahun yang juga pengurus di premis berkenaan diambil keterangan untuk siasatan.

Menurut Abd Muis, semua 662kg minyak masak bersubsidi berkenaan dengan anggaran nilai rampasan RM1,655 disita bagi siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kami memandang serius kegiatan penyelewengan minyak masak peket 1kg yang seharusnya dijual dan dipasarkan untuk kegunaan isi rumah," katanya.

Beliau berkata, sejak Ops ATM dimulakan pada 1 Jun

lalu sehingga kini, KPDNHEP Negeri Sembilan menjalankan 429 pemeriksaan terhadap premis yang meliputi semua rantaian pengedaran minyak masak subsidi di Negeri Sembilan.

Katanya, usaha membanteras penyelewengan minyak masak bersubsidi terus dipergiatkan dari semasa ke semasa.

"Pengguna di Negeri Sembilan boleh menyalurkan maklumat berkaitan peniaga yang didapati menjalankan aktiviti penyelewengan barang kawalan berjadual kepada pihak kementerian melalui Portal e-aduan.kpdnhep (<https://eaduan.kpdnhep.gov.my>) atau WhatsApp 019 279 4317," katanya.

# SELUDUP BERIBU PEKET

- Seorang tauke yang bergiat aktif sejak 20 tahun lalu mendedahkan dia mampu menjual 5,100 peket minyak masak bersubsidi sehari ke Thailand dan telah mengaut keuntungan berlipat kali ganda.
- Minyak masak peket itu diseludup menggunakan pangkalan haram berhampiran Sungai Golok, Kelantan dan pengintip turut diupah bagi memastikan kegiatan berkenaan tidak dikesan pihak berkuasa.
- Kata tauke itu, permintaan tinggi daripada penduduk serta harga yang tinggi mendorong mereka untuk menyeludup kerana setiap kotak minyak masak mengandungi 17 peket berharga RM44 di Malaysia boleh dijual dengan harga RM90 di Thailand.



2 & 3

# Cubaan seludup minyak masak peket gagal

561 peket minyak masak, dua tong plastik berisi petrol dan bot berjaya dirampas

Oleh ASYIKIN ASMIN  
**SEMPORNA**

Ketika rakyat Sabah semakin sukar mendapatkan minyak masak peket di sekitar pasar raya, penyeludup pula dilihat semakin rancak membawa bahan bersubsidi itu ke negara jiran untuk dijual di sana.

Bagaimanapun, dengan ketangkasan pasukan keselamatan membendung aktiviti penyeludupan berjaya merampas sebanyak 561 peket minyak masak di perairan Pulau Sibangkat, di sini, pada jam 10 malam Rabu lalu.

Ketua Polis Daerah Semporna, Superintendant Mohd Farhan Lee Abdullah berkata, kejayaan rampasan itu dilakukan oleh Pasukan Polis Marin (PPM) menurusi rondaan



Minyak masak peket yang berjaya dirampas PPM di perairan Pulau Sibangkat, Semporna.

yang diadakan di kawasan berkenaan.

Katanya, sebuah bot pam dilihat dalam keadaan mencuri-gakan dan sebaik bot PPM menghampiri untuk periksaan lanjut, suspek bertindak memecut ke kawasan perairan yang ceteck.

"Suspek kemudian bertindak terjun ke laut dan melarikan diri ke kawasan hutan Pulau Sibangkat.

"Hasil periksaan di dalam

bot yang ditinggalkan menemui sebanyak 561 peket plastik minyak masak pelbagai Jenama dan dua tong plastik berisi petrol dipercayai untuk diseludup ke negara jiran," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Katanya lagi, nilai keseluruhan rampasan termasuk bot dan minyak berkenaan dianggarkan sebanyak RM10, 000.

"Semua barang rampasan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Semporna untuk siasatan dan



tindakan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Farhan Lee dalam pada itu mengingatkan orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berhubung kegiatan penyeludupan minyak masak bersubsidi diminta menyalurkannya ke balai polis berhampiran.

"Pihak polis tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dengan kegiatan ini kerana ia menjelaskan rakyat dan merugikan negara," tegasnya.

